

Minimumkan kesan TPPA ke atas pekebun kecil

SAUDARA PENGARANG,

SEPERTI yang semua sedia maklum Malaysia adalah antara negara yang terlibat dengan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan kesan TPPA ke atas sektor pertanian terutamanya terhadap pekebun kecil di negara ini sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan penggubal dasar dan ahli akademik.

Sebenarnya terdapat dua pandangan yang berbeza mengenai isu tersebut.

Ada pihak yang berpendapat bahawa liberalisasi perdagangan melalui TPPA akan menggalakkan pengkhususan dan kecekapan kepada sistem pengeluaran disebabkan persaingan daripada



Kedua-dua pandangan itu adalah relevan namun apa yang diperlukan ialah strategi yang meminimumkan impak ke atas pekebun kecil dan dalam masa yang sama menggalakkan kecekapan ekonomi.

negara anggota TPPA.

Dengan wujudnya TPPA, ekonomi hanya ditumpukan kepada

sektor-sektor yang produktif dan cekap dan ada yang mengatakan lebih baik kita mengimport beras dari Vietnam jika kos import lebih murah berbanding dengan kos pengeluaran di negara ini.

Di pihak lain pula berpandangan bahawa TPPA hanya memberi manfaat kepada firma perniagaan berskala besar terutama yang dimiliki oleh negara luar dan akibatnya pekebun-pekebun kecil akan terkesan daripada monopoli pasar oleh firma asing.

Kedua-dua pandangan itu adalah relevan namun apa yang diperlukan adalah strategi yang meminimumkan impak ke atas pekebun kecil dan dalam masa sama menggalakkan kecekapan

ekonomi.

Kesan daripada liberalisasi TPPA kepada pekebun kecil boleh dimaksimumkan dengan memperbaiki rantaian hubungan di antara firma berskala kecil dan sederhana dengan firma berskala besar.

Antara pendekatan yang boleh dilakukan adalah menggalakkan usahasama di antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan pekebun kecil dalam pengeluaran makanan dan menggalakkan penubuhan koperasi yang produktif dalam kalangan pekebun kecil seperti yang diambilkan di Belanda.

DR. MOHD YUSOF SAARI

Universiti Putra Malaysia



UTUSAN MALAYSIA

3/5/2016 FORUM p.12